

Bahagian A

(40 markah)

Jawab semua soalan

1. Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka tersusun dan berhieraki. Sultan mengetuai pemerintahan diikuti oleh pembesar berempat.

- a. Siapakah dua daripada empat pembesar berempat tersebut?

(2 markah)

- b. Apakah peranan sultan dalam memastikan kekukuhan Kesultanan Melayu Melaka?

(4 markah)

- c. Baca petikan akhbar berikut.

Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dalam satu wawancara Jumaat lalu, beliau meluahkan apa yang terbuku bila menegaskan Malaysia amat memerlukan karakter pemimpin yang bukan Sahaja mampu, bahkan perlu berani mengambil pendekatan berbeza bagi menyelesaikan krisis politik, kesihatan dan ekonomi yang sedang melanda negara.

Sumber: Diubahsuai daripada
[//www.utusan.com.my/terkini/2021/07/](http://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/)

Berikan ulasan anda tentang peranan pemimpin berdasarkan petikan tersebut.

(4 markah)

2. Gerakan nasionalisme di negara kita turut berkembang melalui penulisan oleh tokoh nasionalis seperti penulisan akhbar dan penulisan kreatif.

- a. Namakan dua akhbar Melayu yang meniupkan semangat kebangsaan sebelum Perang Dunia Kedua.

(2 markah)

- b. Jelaskan isu yang diperjuangkan oleh akhbar-akhbar Melayu tersebut.

(2 markah)

- c. Bagaimanakah penulisan kreatif berjaya meniupkan semangat nasionalisme dalam kalangan penduduk?

(3 markah)

- d. Sekiranya anda diminta untuk menghasilkan penulisan kreatif seperti novel, apakah isu yang akan anda kemukakan?

(3 markah)

3. Perang Dunia Kedua berlaku kerana kemunculan Pakatan ketenteraan dan ideologi Baharu di Eropah.

a. Nyatakan dua Pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua?

(2 markah)

b. Senaraikan dua ideologi melampau yang muncul di Eropah selepas Perang Dunia Pertama.

(2 markah)

c. Mengapakah Jerman tidak puas hati dengan Perjanjian Versailles?

(3 markah)

d. Pada pandangan anda, bagaimanakah negara di dunia dapat mengelakkan peperangan pada masa kini?

(3 markah)

4. British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu bermula pada 12 September 1945 setelah tentera Jepun menyerah kalah.

- a. Apakah tugas yang dilakukan oleh British Military Administration apabila mereka mula mentadbir Tanah Melayu?

(2 markah)

- b. Jelaskan tindakan yang telah dilakukan oleh BMA untuk memulihkan kepercayaan rakyat di Tanah Melayu.

(3 markah)

- c. Nyatakan masalah yang dihadapi oleh rakyat Tanah Melayu di bawah pemerintahan tentera Jepun.

(2 markah)

- d. Sekiranya anda merupakan pegawai yang terlibat dalam BMA, apakah perkara yang anda utamakan dalam membangunkan semula negara ini.

(3 markah)

Bahagian B

(60 markah)

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.

5. Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka merupakan asas pembentukan negara bangsa

a) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka

[8 markah]

b) Bagaimanakah keunggulan undang-undang dapat memastikan keunggulan negara dan bangsa sesebuah kerajaan?

[6 markah]

c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara atau kerajaan?

[6 markah]

6. Semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka, rakyat yang bernaung di bawah pentadbiran sultan dan pembesar saling berkait antara satu sama lain melalui hubungan secara timbal balik

a) Apakah hubung kait antara rakyat dengan pemerintah?


[4 markah]

b) Nyatakan peranan golongan berikut dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

i. Sultan

ii. Pembesar

[8 markah]




c) Gambar di atas menunjukkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi kunci keharmonian hidup rakyat Malaysia

Sebagai rakyat yang cintakan negara, bagaimanakah anda berusaha mengamalkan lima prinsip Rukun Negara tersebut?

[8 markah]

7. Kemunculan nasionalisme pada abad ke-20 didorong oleh beberapa faktor untuk membebaskan diri dari cengkaman penjajah.

- Apakah yang dimaksudkan dengan nasionalisme? [4 markah]
- Jelaskan faktor-faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita. [8 markah]
- Logo berikut adalah tema hari kemerdekaan negara " Nasionalisme Teras Perpaduan" pada tahun 1985 dan sebahagian lirik lagu tema



Apakah semangat nasionalisme yang boleh dicontohi berdasarkan lirik lagu tersebut? [8 markah]

8. Jadual berikut berkaitan dasar pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah		
Dasar Pemerintahan	Dasar Ekonomi	Dasar Sosial
Pentadbiran tentera	Ekonomi kawalan	Layanan terhadap penduduk

- Berdasarkan jadual tersebut, jelaskan dasar pendudukan Jepun dari aspek ekonomi di negara kita. [6 markah]
- Mengapakah Jepun memberikan layanan yang berbeza kepada kaum yang berlainan? [6 markah]
- Pada pandangan anda, bagaimanakah kita dapat mengelakkan peristiwa seperti pendudukan Jepun daripada berulang? [8 markah]

9. Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan BMA. British berhasrat agar Malayan Union akan melicinkan sistem pentadbiran, meningkatkan pelaburan ekonomi, mengukuhkan pertahanan dan mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja untuk meningkatkan ekonomi.

Sumber: Buku Teks Sejarah KSSM Tingkatan 4, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2019), ms. 96

- a) Mengapakah British mencadangkan penubuhan gagasan Malayan Union? [4 markah]
- b) Terangkan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union. [8 markah]
- c) Perjuangan menentang Malayan Union menggambarkan wujudnya nilai-nilai patriotisme dalam kalangan rakyat di negara kita. Beri penjelasan anda. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT